

Title : Agenda Melayu Dan Islam Sangat Berpengaruh Dalam Politik Malaysia Kontemporari. Dibincangkan Bagaimana Kedua-Dua Elemen Ini Turut Berperanan Dalam Proses Partisipasi Politik Masyarakat Malaysia

Author(s) : Muhammed Idraki Bin Norazmi

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia

Category : Article, Competition

Topics : Politics

**ESEI: AGENDA MELAYU DAN ISLAM SANGAT
BERPENGARUH DALAM POLITIK MALAYSIA
KONTEMPORARI. DIBINCANGKAN BAGAIMANA KEDUA-
DUA ELEMEN INI TURUT BERPERANAN DALAM PROSES
PARTISIPASI POLITIK MASYARAKAT MALAYSIA.**

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMMED IDRABI BIN NORAZMI

1.0 Pengenalan

Islam adalah sebuah perkataan dari Bahasa Arab yang datangnya sekali dengan perkataan *Salam*, *Salim* dan *Aslama*. Salam bermaksud kedamaian, keharmonian dan ketenangan. Salim pula bermaksud yang asli, benar, tepat dan suci dari cacat cela manakala Aslama bermaksud bersedia untuk mengikuti atau mentaati (Kakulal Govindji 2009). Islam dari segi syarak bermaksud berserah diri, taat dan tunduk kepada perintah Allah Subhanahu wa ta'ala seperti yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Hassan Mydin n.d.).

Sehingga kini, soalan-soalan tentang siapakah yang membawa Islam masuk ke Nusantara, dari manakah ia dibawa dan cara Islam didakwahkan serta siapakah pendakwahnya masih menjadi perdebatan hangat antara pengkaji-pengkaji sejarah. Hal ini demikian kerana, bandar-bandar di serata Nusantara kebanyakannya merupakan pelabuhan, oleh itu, terdapat banyak kapal-kapal pedagang orang Islam telah berlabuh di pelabuhan-pelabuhan tersebut (Welianto 2020). Terdapat banyak teori yang mengatakan dari mana serta siapakah yang mula menyebarkan agama Islam di Nusantara. Terdapat tiga teori yang diterima secara umum, iaitu Teori Gujarat, Teori Makkah dan Teori Parsi.

1.1 Teori Gujarat

Teori Gujarat adalah teori paling popular dan paling diterima dalam kalangan sejarawan. Teori ini dinamakan sebegitu kerana dikatakan Islam itu datangnya dari Gujarat, sebuah negeri di India. Islam dibawa dari Gujarat dan disebarkan di Nusantara kerana para pedagang yang datang berlabuh bukan sahaja membuat aktiviti perdagangan, malah membawa syiar Islam dan mendakwah ke serata bumi Nusantara. Teori ini dimulakan oleh G.W.J Drewes dan telah dikembangkan oleh Snouck, Hurgronje. Hurgronje berpendapat sedemikian kerana kekurangan sumber dan fakta mengatakan bahawasanya bangsa Arab yang mendakwah agama Islam ke bumi Nusantara. Selain itu juga, beliau berkata, hubungan perdagangan antara negeri Selatan Asia iaitu India dan Nusantara telah terjalin untuk masa yang agak lama, maka tidak hairanlah Islam datang bersama pedagang

Islam dari Gujarat. Disamping itu, beliau mengatakan bahawa terdapatnya suratan lama yang berada di Sumatera yang membawa maksud bahawa Sumatra dan Gujarat sudah lama menjalinkan hubungan diplomatik antaranya bersama-sama. Pendapat yang beliau bawa diterima malah membawa impak yang besar terhadap pengkaji sejarah dari Barat serta sejarawan negara Nusantara. Teori tersebut juga berpendapat bahawa pada abad ke-13, Islam hadir ke alam Nusantara kerana terdapat batu nisan Sultan Malik Al-Saleh iaitu Sultan pertama yang memerintah Kerajaan Samudera Pasai. (Rumahuru 2018)

1.2 Teori Makkah

Teori Makkah pula merupakan teori yang bertentangan dengan teori Gujarat. Teori ini dirintis oleh Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka, seorang Ulama sohor di bumi Nusantara yang berasal dari Indonesia. Hamka telah mengatakan bahawa Islam tidak dibawa ke Nusantara dari Gujarat pada abad ke-13 sekali gus menolak teori Gujarat. Beliau menekankan bahawa orang Arab merupakan pendakwah agama Islam di Nusantara kerana Gujarat hanyalah pusat persinggahan, manakala Makkah adalah pusat dan Mesir menjadi tempat ajaran Islam diambil. Hamka juga tidak bersetuju dengan pendapat ajaran Islam masuk pada abad ke-13 di Nusantara kerana pada waktu itulah politik Islam kukuh kerana adanya kerajaan Samudera Pasai. Hamka turut menyuarakan bahawasanya Islam tidak masuk ke Nusantara pada abad ke-13, sebaliknya Islam masuk ke bumi Nusantara jauh lebih lama iaitu sewaktu abad ke-7 (Rumahuru 2018). Para pedagang Islam dari Arab juga telah banyak melibatkan diri dalam aktiviti perdagangan antarabangsa sejak abad ke-7 dan ke-8 Tahun Masehi. Sumber sejarah dari China mengatakan bahawa terdapat juga pemimpin di bumi Nusantara iaitu di Sumatera dari kalangan bangsa Arab yang beragama Islam sewaktu abad ke-7. Bangsa Arab yang hadir di bumi Nusantara ini juga telah pun berkahwin dengan masyarakat asal kawasan tersebut seterusnya membina satu komuniti Islam yang terawal di Nusantara. (Husda 2017)

1.3 Teori Parsi

Teori Parsi pula merupakan teori yang lebih memfokuskan terhadap budaya masyarakat Islam di Indonesia dan Malaysia yang mempunyai persamaan dengan masyarakat serta

kebudayaan Parsi. Antara persamaan budaya yang difokuskan oleh para pengkaji adalah masyarakat memperingati 10 Muharam atau Hari Asyura setiap tahun iaitu hari orang-orang Syiah memperingati kematian Husain, masyarakat di bumi Nusantara pada hari tersebut akan membuat bubur Syura. Selain itu juga, masyarakat Minangkabau menyebut bulan Muharam sebagai bulan Hasan-Husain (Rumahuru 2018) . Masyarakat Sumatera Tengah pula menyambut upacara *Tabut* yang mana “keranda Husain” di bawa berarak dan akan dihanyutkan ke dalam sungai atau lain-lain kawasan perairan. Teori ini didukung oleh Prof. Dr. Husein Jayadiningrat, seorang tokoh dari Indonesia yang menganalisis bahawa dalam beberapa ajaran Sufi di Indonesia, terdapat pengaruh Parsi padanya. Antara contohnya adalah ajaran-ajaran yang dibawa oleh Syeikh Siti Jenar, seorang Sufi yang mempelajari tentang Islam di Parsi seterusnya menyebarkannya di Nusantara, ajaran *manunggaling kawula gusti* yang dibawa oleh beliau mendapat pengaruh dari ajaran yang berasal dari Parsi iaitu *wahdat al-wujud al-Halla*. Selain itu juga, istilah Parsi telah digunapakai dalam mengeja huruf-huruf bahasa Arab, lebih-lebih lagi dalam tanda harakat. (Husda 2017)

2.0 Kehadiran Islam ke Melaka

Umum mengetahui bahawa Melaka merupakan antara kerajaan Islam yang berpengaruh di rantau Nusantara. Namun demikian, semasa pembukaan kota Melaka, pembukanya, Parameswara bukanlah seorang Muslim. Beliau hanya memeluk Islam pada abad ke-15. Dicatatkan dalam buku Sejarah Melayu bahawa bermulanya pengislaman Parameswara adalah sewaktu bermimpi bertemu dengan Rasulullah SAW dan belajar untuk membaca syahadah. Seterusnya, pedagang-pedagang dari tanah Arab singgah ke bumi Melaka dan diketuai oleh seorang Ulama iaitu Saiyid Abdul Aziz. Rombongan perdagangan dari tanah Arab tersebut telah berjaya mendakwah dan mengislamkan para pemerintah, pembesar serta raja di negeri Melaka. Selepas itu, pada tahun 1414 Parameswara mengubah nama sebenarnya kepada Megat Iskandar Syah. Sejarawan seperti S.Q. Fatimi menjelaskan bahawa agama Islam diterima di Nusantara kerana terdapat sebuah ciri yang

penting iaitu mimpi. Parameswara kemudiannya berkahwin dengan seorang puteri iaitu Puteri Ratna Keumala yang juga merupakan Puteri kepada Raja Pasai di Sumatera. Sultan Megat Syah Iskandar kemudiannya menjadikan bumi Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa yang sangat masyhur dan juga pusat penyebaran agama Islam di Nusantara. Usaha murni ini juga diteruskan oleh pengganti-pengganti pelopornya iaitu sekalian pemerintah yang menerajui negeri Melaka selepas Sultan Megat Iskandar Syah.

Undang-undang Islam juga telah dikuatkuasakan di Melaka semasa pemerintah Sultan Alauddin Riayat Syah. Pada zaman tersebut, Melaka menjadi sebuah tempat popular dan masyhur dikalangan penduduk dan rakyat Nusantara serta seantero dunia kerana kebijaksanaan dan kecerdasan pemerintah dan pembesarnya atas kejayaan dan kebesaran pusat perdagangan itu dan juga menjadi tempat tersebarnya ajaran Islam. Hal-hal yang demikian telah menjadikan Melaka sebagai kuasa besar yang amat berpengaruh di Selat Melaka pada waktu itu. (Mukmin 1994)

Jika dibandingkan dengan negeri atau kawasan lain, penyebaran agama Islam di Melaka jauh lebih pesat. Hal ini demikian kerana, kerajaan Melaka itu stabil dan kukuh telah menjadikannya sebagai sebuah tempat atau pusat pengembangan agama Islam. Kehadiran Islam di negeri Melaka juga amat signifikan kerana undang-undang yang diamalkan di negeri Melaka dan jajahan takluknya seperti Pahang, Pasai yang terletak di Sumatera serta Johor telah diambil dan digubal berlandaskan hukum-hukum dan undang-undang Islam dan menepati syariat Islam. Undang-undang tersebut telah dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. (Mohammad Nasir 2012)

2.1 Peranan Melaka dalam Penyebaran Islam di Nusantara

Jelas ditunjukkan dari bukti-bukti serta catatan lampau pada zaman tersebut, Melaka memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan syiar Islam ke bumi Nusantara. Antara peranan Melaka dalam penyebaran Islam adalah bermulanya dakwah ke seantero Nusantara, pusat penyebaran ilmu-ilmu Islam, Undang-Undang Islam diamalkan sebagai undang-undang negara, keamanan politik, aktiviti-aktiviti perdagangan dan permulaan untuk penubuhan kerajaan Islam yang baru.

Secara ringkas, gerakan dakwah adalah diantara satu matlamat Kerajaan Melaka pada ketika itu. Ulama pada zaman dan lokasi tersebut telah memainkan peranan yang amat besar dalam menubuhkan gerakan dakwah syiar Islam. Para ulama di Melaka bukan sahaja berjaya untuk mengislamkan kerabat serta pembesar di Istana, malah berjaya melaksanakan undang-undang Islam. Selain itu juga, Islam telah disebarkan ke luar istana dan juga ke jajahan-jajahan takluk Kerajaan Melaka terutamanya di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Antara tanda yang diletakkan oleh Sultan Melaka sebagai bukti perluasan syiar Islam adalah melantik putera baginda sendiri sebagai Sultan Pahang sewaktu zaman Tun Perak. Pada waktu yang sama juga, Sultan Kedah menjadi jajahan takluk negeri Melaka. Raja di Pattani juga diislamkan agar wilayah Islam yang baharu di utara dapat dibina. Ulama-ulama telah memainkan peranan penting, tak kurang juga kerabat di istana kerana menjadi pendukung, pelopor serta penyokong utama dalam misi dakwah dan penyebaran Islam ke seantero Nusantara.

Kerajaan Melaka serta Samudera-Pasai telah memainkan peranan penting sebagai pusat penyebaran dan pengembangan ilmu Islam. Tokoh-tokoh yang berasal dari kawasan-kawasan majoriti Muslim seperti tanah Arab, Gujerat, Parsi dan lain-lain telah membawa satu lonjakan besar dalam hal ini. Hal ini demikian kerana, tokoh-tokoh dari kawasan tersebutlah yang menjadi pelita ilmu kerana melakukan majlis ilmu, aktiviti penterjemahan teks dan kitab berkaitan agama Islam, penulisan-penulisan dan salinan kitab. (Ghani 2018)

Dicatatkan juga semasa berlakunya pengajian, para Sultan dan kerabat istana tidak terkecuali. Mereka mengikuti jejak langkah khalifah di Baghdad dengan membuka istana menjadikannya sebagai termpat pengajian ilmu. Ulama-ulama pula amat dihormati dan diberi jawatan dan kedudukan yang tinggi.

Aktiviti pengajian di Melaka juga melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Mereka yang mempunyai ilmu-ilmu yang tinggi juga melibatkan diri dalam aktiviti pengajian. Perbincangan pengajian juga bukan hanya terhadap ilmu-ilmu fiqh dan tauhid, ilmu seperti falsafah dan metafizik juga menjadi antara persoalan dan tema perbincangan. Perkara ini menjadi bukti bahawa Melaka pada sesuatu ketika dahulu merupakan tempat menuntut ilmu yang maju dan sejahtera serta melahirkan para ilmuwan berintelekt di bumi Nusantara. (Mohammad Said 2009)

3.0 Parti UMNO dan PAS

UMNO atau *United Malay National Organisation* atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu merupakan sebuah parti politik yang berteraskan perjuangan Melayu di Malaysia. Parti UMNO merupakan antara parti yang terawal di Malaysia. Parti UMNO lahir dari percantuman pertubuhan Melayu ketika zaman penjajahan British di mana Melayu dilihat agak terkebelakang dalam pelbagai hal waktu itu. Orang Melayu dari pelbagai pertubuhan, aliran falsafah dan pemikiran bersetuju untuk bergabung bersama demi bangsa Melayu.

Rancangan Malayan Union selepas Perang Dunia Kedua yang dibawa oleh pegawai dan penjajah British pada waktu itu merupakan kemuncak kebangkitan orang Melayu. Pertubuhan-pertubuhan Melayu telah membubarkan pertubuhan agar pertubuhan atau parti UMNO dapat direalisasikan sebagai parti politik yang dapat perjuangkan hak-hak anak Melayu. Rapat Umum menolak Malayan Union telah diadakan untuk menyuarakan bahawa bangsa Melayu tidak bersetuju dengan rancangan pihak British. Dapat dilihat ketika itu, orang Melayu yang berpecah-belah kerana pelbagai isu sekarang telah bangkit bersatu melawan rancangan pihak penjajah.

UMNO telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 oleh pelopornya iaitu Dato' Onn Jaafar atas dasar untuk menghindari dari anak Melayu tenggelam dalam arus deras ekonomi dan politik yang menguntungkan golongan lain yang lebih maju. (UMNO Online n.d.)

Parti Islam Se Malaysia (PAS) merupakan parti yang ingin memartabatkan serta memperjuangkan agama Islam dan nilai-nilainya di Malaysia. PAS bukanlah parti pertama di Tanah Melayu yang mahu memperjuangkan Islam, sebuah parti iaitu Parti Hizbul Muslimin telahpun wujud namun telah diharamkan sewaktu peristiwa darurat

1948. Sejarah Parti PAS bermula pada 23 Ogos 1951 setelah para Ulama di Malaya bersidang di Kuala Lumpur dan bersetuju untuk membina sebuah badan atau pertubuhan berteraskan Islam yang bernama Persatuan Ulama Se Malaya.

Pada 24 November 1951 di persidangan Ulama yang diadakan di Butterworth, nama persatuan tersebut telah ditukarkan ke Parti Islam Se Malaya. Haji Ahmad Fuad Hassan, seorang bekas ahli Biro Agama dalam Parti UMNO merupakan pelopor PAS kerana ia merupakan idea beliau untuk menubuhkan PAS. Beliau telah meninggalkan PAS kerana dua perkara iaitu tewas semasa pemilihan Yang Di Pertua UMNO dan juga tidak menyukai cara Tunku Abdul Rahman, yang juga merupakan Yang Di Pertua UMNO, kerana mengutamakan pengambilan mereka yang bersekolah Inggeris berbanding berpendidikan agama.

PAS juga merupakan parti yang mahu memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam Manifesto al-Badawi, mereka mahu PAS menjadi parti yang memperjuangkan kemerdekaan secara demokrasi untuk membina negara yang diredhai Tuhan. Pada zaman Dr Burhanuddin yang merupakan Yang Di Pertua bagi parti PAS yang ketiga, Dr Burhanuddin telah menggabungkan Islam dan Melayu untuk menuntuk kemerdekaan Tanah Melayu. (Parti Islam Se-Malaysia 2018)

3.1 Pilihan Raya Umum 1955

Pada bulan Julai 1955, Pilihan Raya Umum (PRU) pertama telah diadakan di Persekutuan Tanah Melayu. Pilihan raya ini menyaksikan pertemuan lima penjurong iaitu di antara Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Se-Malaya (MIC) menentang PAS, Parti Kemerdekaan Malaya (IMP), Parti Progresif Rakyat dan Parti Buruh.

Sebanyak 52 kerusi telah dipertandingkan. Secara keseluruhan, parti Perikatan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman menang besar dalam pilihan raya tersebut. 51 kerusi Parlimen telah dimenangi oleh parti pimpinannya, manakala 1 kerusi iaitu Kerian di Perak telah dimenangi oleh PAS. (Jawan 2003)

Selepas memenangi PRU ini, Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Ketua Menteri. Beliau juga telah membentuk jemaah menteri selepas kemenangan tersebut. Parti Perikatan pada waktu itu amat optimis dalam membawa kemerdekaan ke Tanah Melayu

kerana dari PRU ini, rakyat Malaya dilihat bersedia membentuk kerajaan dan kepimpinan dari parti dan bangsa yang berlainan sungguhpun dilontar pelbagai bantahan. Perikatan juga telah membuktikan bahawa kerjasama antara kaum dapat mencapai matlamat perjuangannya iaitu kemerdekaan. (Ahmad & Sulaiman 2008)

3.2 PAS dan UMNO menjadi seteru politik.

Umum mengetahui bahawa PAS adalah Parti yang memperjuangkan tentang agama Islam. PAS juga merupakan parti lawan kepada UMNO. Hal ini demikian kerana, penubuhan PAS itu sendiri pun kerana ketidakpuasan hati pemimpinnya dengan Tunku Abdul Rahman atas banyak faktor. Oleh itu, UMNO dan PAS dilihat sebagai pesaing dalam arena politik sejak zaman sebelum merdeka.

Pada PRU 1955, PAS melawan Parti Perikatan yang disertai oleh UMNO pada ketika itu. Namun begitu, PAS hanya memenangi satu kerusi berbanding UMNO yang memenangi 51 kerusi. PAS kelihatan agak lemah untuk menandingi kekuasaan dan kemasyhuran UMNO dalam arena politik. Sungguhpun begitu, PAS masih bersemangat untuk melawan UMNO atas faktor mahukan Islam sebagai tonggak utama dalam pentadbiran negara.

Dalam pilihan raya yang berlangsung berikutnya juga, PAS menjadi pesaing UMNO dalam arena politik tanah air. Pada PRU yang diadakan pada 1959, iaitu pilihan raya pertama selepas kemerdekaan, wala parti Perikatan telah memenangi PRU tersebut, namun kerusi yang ditawannya berkurang berbanding pilihan raya sebelumnya.

Pada PRU 1959 tersebut, sebanyak 104 kerusi dipertandingkan iaitu 2 kali ganda berbanding PRU pada 1955. Dr Burhanuddin selaku pemimpin teratas PAS pada ketika itu telah pun meletakkan calon di 58 kerusi parlimen untuk bertanding dalam PRU tersebut. Antara iltizam dan janji yang dibawa oleh PAS dalam perjuangan mereka pada PRU tersebut adalah untuk meminda perlembagaan agar undang-undang Islam dilaksanakan serta kedaulatan orang serta hak-hak Melayu dikembalikan dan orang-orang Melayu diberikan keutamaan dalam pelbagai aspek seperti pentadbiran, pemerintahan dan sebagainya. PAS amat menitikberatkan soal dan Melayu dan Islam dalam perjuangannya kali ini. (Muda 2014)

Hasilnya, PAS memperoleh 13 kerusi Parlimen berbanding hanya 1 pada PRU lepas. Sokongan besar yang diperoleh PAS adalah dari pengundi yang berasal dari Terengganu dan Kelantan. 9 kerusi PAS yang dimenangi merupakan dari negeri Kelantan manakala 4 lagi kerusi tersebut dari Terengganu. Ia menjadi bukti yang kukuh bahawa PAS mempunyai kubu kuat di dua buah negeri pantai timur tersebut. Parti Perikatan pula di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman berjaya memenangi 74 kerusi parlimen dan dapat membentuk kerajaan pusat. Sungguhpun kemenangan Parti Perikatan dilihat besar kerana berjaya memperoleh majoriti yang besar, mereka sebenarnya telah kehilangan dua buah negeri yang secara majoriti penduduknya adalah orang Melayu yang beragama Islam. Negeri Kelantan dan Terengganu telah jatuh ke tangan PAS. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya soal Islam kepada orang Melayu pada ketika itu kerana PAS telah banyak membawa soal Islam dalam kempennya.

Satu pengajaran penting yang dapat disimpulkan pada PRU 1959 adalah, kepentingan orang Melayu perlu diambil kira oleh semua parti kerana orang Melayu amat mementingkan kemandirian bangsanya serta kepentingan agamanya iaitu Islam. Dr Burhanuddin pada waktu itu dilihat memahami psiko-politik masyarakat Melayu yang berasa terancam akan kaum lain yang mendapat kerakyatan. (Muda 2014)

Dalam pilihanraya berikutnya pula, PAS dilihat menjadi musuh utama kepada UMNO. Selepas peristiwa 13 Mei dan Pilihan Raya Umum 1969, Barisan Nasional (BN) telah ditubuhkan (Ali 2018). Barisan Nasional merupakan kesinambungan daripada Parti Perikatan. Hal ini demikian kerana, Barisan Nasional merupakan sebuah parti gabungan daripada parti-parti Perikatan terdahulu iaitu UMNO, MIC dan MCA seterusnya diikuti oleh Parti GERAKAN, Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Parti Rakyat Bersatu Sarawak, Parti Pesak Bumiputera Bersatu Sarawak dan. PAS pada mulanya tidak menyertai gabungan tersebut, namun selepas pemimpin PAS pada ketika itu, iaitu Datuk Mohammad Asri, menjadi ahli jemaah kabinet.

Ramai ahli dan akar umbi PAS tidak berpuas hati atas tindakan beliau. Tidak lama selepas itu, hubungan antara PAS dan UMNO mula retak kerana PAS menuduh UMNO tidak adil dalam pakatan politik tersebut. PAS kemudiannya dikeluarkan daripada Barisan Nasional kerana krisis politik di Kelantan, selepas 5 tahun bersama dalam gabungan tersebut. Semenjak dari peristiwa tersebut, UMNO dan PAS mula menjadi musuh dalam dunia politik. PAS menjadi seteru politik untuk UMNO selama bertahun lamanya. PAS kemudiannya bergerak bersendirian seperti dahulu kala.

Dalam beberapa Pilihanraya berikutnya, PAS dapat dilihat sebagai parti yang agak lemah kerana prestasi PRU yang kurang memberangsangkan. Kerusi yang dimenangi di Parlimen juga kian berkurangan. PAS menyatakan kekalahan mereka pada PRU 1986 yang hanya membawa kepada kemenangan 1 kerusi Parlimen adalah kerana kebencian UMNO kepada mereka. UMNO melakukan propaganda dengan persepsi bahawa PAS adalah sebuah parti yang radikal dan ganas (Muda 2014). Media-media UMNO telah menguasai minda-minda pengundi pada ketika itu menyebabkan PAS dilihat sebagai sebuah parti yang ekstremis. Beberapa ahli PAS juga ibarat mencurahkan minyak di atas api kerana tersebarnya ucapan-ucapan oleh beberapa pemimpin PAS yang didakwa mengkafirkan UMNO. Peristiwa sebegini telah berlarutan juga kerana PAS telah melibatkan diri dalam blok pembangkang yang besar serta berpengaruh iaitu Barisan Alternatif semasa PRU Tahun 1999 dan 2004, seterusnya dalam Pakatan Rakyat pada PRU Tahun 2008 dan 2013. Namun, kedua-dua blok pembangkang tersebut telah PAS keluar kerana banyak masalah dalaman gabungan seperti DAP yang tidak suka akan idea-idea PAS dalam membentuk kerajaan Islamik di Malaysia.

3.3 PAS dan UMNO menjadi sahabat politik.

Pada 2019, UMNO kembali menjalin ikatan politik bersama PAS. Pada 14 September 2019, PAS dan UMNO telah bersepakat untuk menandatangani sebuah piagam dan memorandum persefahaman untuk kerjasama dalam politik (Idris 2019). Kedua-dua dokumen kerjasama tersebut telah ditandatangani oleh presiden PAS dan UMNO pada majlis tersebut. PAS dan UMNO telah mencapai kata sepakat, selepas puluhan tahun kedua-duanya bersaing dalam arena politik tanah air. PAS dan UMNO telah bergabung di bawah satu panji, iaitu Muafakat Nasional. Mereka merupakan sebuah gagasan kerjasama politik yang menjunjung agenda Melayu-Islam terbesar di Malaysia.

Pada 23 Februari 2020, telah terjadi sebuah kemelut politik di Malaysia yang lebih dikenali sebagai Langkah Sheraton. Kemelut ini telah menyebabkan kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan yang baru sahaja dibentuk pada PRU14 yang lalu kira-kira dua tahun sebelum krisis ini. Antara pelopor utama kemelut ini selain daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan juga Parti Peribumi Malaysia Bersatu (PPBM), Parti Warisan Sabah dan Gabungan Parti Sarawak adalah Barisan Nasional dan PAS yang menjadi antara penyokong kuat dalam kemelut ini (Nadzri & Noor 2020). Hasilnya, parti-parti yang bersama telah menyokong Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ke-8, menggantikan Tun Dr Mahathir selepas beliau hilang sokongan dan majoriti dalam parlimen, yang menyebabkan beliau terpaksa meletak jawatan untuk memberi laluan kepada calon Perdana Menteri baharu yang mempunyai majoriti dan sokongan yang cukup. Pada 1 Mac 2020, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-8. Sehubungan dengan itu juga, gabungan parti yang menyokong langkah ini telah dikenali sebagai Perikatan Nasional. Perlulah diketahui, bahawa Muafakat Nasional tidak sama dengan Perikatan Nasional. Muafakat Nasional merupakan sebuah kerjasama politik berteraskan agenda Melayu-Islam yang dipelopori oleh UMNO dan PAS manakala Perikatan Nasional adalah kerjasama politik diantara parti-parti yang menyokong pengambil alihan kuasa melalui Istana Negara. PAS, bersama Barisan Nasional, Parti Peribumi Malaysia Bersatu, Gabungan Parti Sarawak, Parti Bersatu Sabah dan Parti Solidariti Tanah Airku merupakan antara parti komponen Perikatan Nasional (Hassan 2020). Sungguhpun begitu, parti komponen dalam Barisan Nasional, UMNO, telah menarik sokongan terhadap Perikatan Nasional (Sinar Harian 2020). UMNO telah menyatakan bahawa, mereka hanya menyokong Perikatan Nasional kerana sokongan Ahli Parlimen dan ADUN dalam pembentukan kerajaan Pusat dan beberapa negeri tertentu. Namun, pada 27 Oktober 2020, UMNO telah memutuskan untuk terus menyokong kerajaan Perikatan Nasional (Abdul Mutalib & Parzi 2020). UMNO dalam kenyataan media menyebut, mereka bertindak sedemikian kerana mahu mendokong titah Yang di-Pertuan Agong untuk mengurangkan ketegangan politik dengan membuat gencatan politik agar kestabilan politik di Malaysia dapat dipertahankan. Hal ini amat penting, kerana ahli politik pada ketika ini masih memainkan isu politik meskipun dikala wabak penyakit terus membadai negara ini. Pada hari ini,

dapat dilihat bahawa menteri dalam kerajaan Perikatan Nasional terdiri dari kalangan pemimpin PAS, yang merupakan kali pertama dalam sejarah mereka memegang tampuk pemerintahan kerajaan pusat, serta banyak dari kalangan pemimpin UMNO-BN, selain dari parti-parti lain juga, namun ia hanya minoriti dalam kerajaan gabungan ini. Dapat dilihat disini, blok yang memperjuangkan agenda Melayu-Islam, iaitu UMNO dan PAS (Muafakat Nasional) merupakan blok terbesar dalam kerajaan, sekali gus menunjukkan bahawa agenda ini dapat tercapai jika UMNO dan PAS dapat bersatu demi Melayu dan Islam yang amat sinonim dari dulu lagi.

4.0 Isu Melayu-Islam di Malaysia

Isu-isu Melayu-Islam di Malaysia amat mendapat tempat dalam minda ahli politik dan rakyat Malaysia. Hal ini demikian kerana, majoriti penduduk di Malaysia merupakan orang Melayu, dan orang Melayu amat sinonim dengan agama Islam. Ahli politik dan parti-parti politik mengetahui, bahawa orang Melayu agak sensitif dengan apa-apa isu yang dipermainkan mengenai bangsanya

atau agamanya. Oleh itu, parti politik atau ahli politik yang berjaya

mempengaruhi tentang isu berkaitan ini sudah pasti dapat mengawal majoriti pengundi Melayu. Muafakat Nasional, sebagai gagasan yang memperjuangkan agenda ini amat sinonim dengan pembawaan isu-isu tersebut. Gabungan kedua-dua parti yang dibentuk daripada identiti dan jati diri Melayu, iaitu PAS sebagai parti yang memperjuangkan agama Islam di Malaysia, dan UMNO sebagai parti yang memperjuangkan bangsa Melayu di Malaysia dilihat dapat menarik perhatian orang-orang Melayu yang konservatif.

Namun begitu, ketika Muafakat Nasional belum dibentuk, PAS dilihat sebagai pejuang radikal dan ekstrem Islam. Orang-orang Melayu telah dimomokkan oleh UMNO dan juga pesaing politik lain sebagai parti ekstrem, jika mereka mengundi PAS, rakyat Malaysia kononnya akan ditadbir dan diperintah secara radikal dan ekstrem, ataupun menjadi miskin seperti negeri Kelantan (Ghazali 2019), yang diterajui oleh PAS selama tiga dekad. Persepsi tersebut telah berjaya mengaburi minda orang Melayu dan bukan Melayu, menyebabkan PAS hilang sokongan serta kepercayaan. Antara bukitnya adalah, PAS

gagal menguasai negeri selain Kelantan, sehinggalah pada PRU 14, Kelantan akhirnya dapat menguasai semula negeri Terengganu. Namun, persepsi buruk terhadap PAS tersebut masih bermain dalam minda masyarakat bukan Melayu dan masyarakat selain di negeri Kelantan dan Terengganu.

Selepas kerjasama PAS dan UMNO dibentuk melalui Muafakat Nasional, kedua-dua belah seakan-akan terlupa akan kejahatan serta persepsi yang dilontarkan oleh satu sama lain. Parti-parti tersebut telah bekerjasama dengan erat dengan agenda mereka memperjuangkan serta menaikkan martabat Melayu-Islam. Mereka juga sering bermain dengan isu-isu sedemikian agar dapat kekal relevan serta mendapat sokongan dari orang Melayu yang konservatif, iaitu yang mementingkan bangsa dan agamanya.

Antara isu yang dibawa oleh mereka ialah seperti isu pemandu mabuk yang kian mengganas hingga menyebabkan kematian, kematian Arwah Adib semasa Rusuhan Kuil di Seafield pada tahun 2018, isu tulisan Jawi di buku teks, Rang Undang-Undang 355 dan banyak lagi isu yang berkaitan Melayu-Islam. Mereka selalu membawa isu ini ke media massa dan media sosial agar mendapat liputan meluas seakan-akan orang Melayu-Islam dalam bahaya kerana terlalu banyak hal yang dapat menggugat kedudukan dan ketuanan orang Melayu di Malaysia. Seperti contoh, dalam sebuah ucapan di Program Himpunan Melayu Bangkit dan Penyatuan Ummah pada 31 Ogos 2019, Datuk Seri Zahid Hamidi, presiden UMNO telah menggesa kerajaan pada ketika itu iaitu Pakatan Harapan untuk kembalikan hak-hak orang Melayu dan Islam yang semakin dianaktirikan, Beliau juga menyatakan hak orang Melayu dan Islam secara halus dipinggirkan oleh

kerajaan PH yang ditunjangi DAP (UMNO Online 2019). Antara contoh yang beliau petik adalah penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), beliau menyatakan bahawa penubuhan Suruhanjaya tersebut telah ditolak oleh kerajaan dahulu, iaitu kerajaan Barisan Nasional kerana Suruhanjaya Pasukan Polis dilihat sudah ada dan memenuhi tugas iaitu penjagaan disiplin para pegawai polis, namun beliau berkata kerajaan PH telah menerima cadangan tersebut kerana IPCMC telah dicadangkan oleh pemimpin DAP. PAS dan UMNO serta Barisan Nasional juga dikatakan bersimpati

dengan anggota polis kerana mahu membela kebajikan dan kesejahteraan pegawai-pegawai di seluruh Malaysia. Oleh itu, dilihat juga oleh orang Melayu-Islam sebagai PAS-UMNO merupakan pejuang bagi bangsanya dan agamanya kerana begitu lantang dan berani melawan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan semasa memerintah. Ketegasan pemimpin-pemimpinnya membawa dan memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan juga istiqamahnya mereka juga menjadi antara faktor mereka dilihat sebagai pejuang bangsa Melayu.

Seterusnya juga, terdapat satu lagi isu hangat yang mampu menggugat keistimewaan orang Melayu, iaitu cadangan kerajaan meratifikasikan ICERD. ICERD adalah Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum, ia merupakan sebuah konvensyen daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menghilangkan segala diskriminasi antara kaum dalam sebuah negara serta mahu menanam sifat toleransi antara kaum dalam sesebuah negara (Lukman 2018). Secara umumnya, ia merupakan sebuah usaha untuk menyatupadukan penduduk sesebuah negara yang berbilang kaum dengan pendekatan bahawa semua kaum adalah sama dan tiada perbezaan atau keistimewaan boleh diberi kepada sesuatu bangsa/kaum. Konvensyen ini juga menyatakan bahawa setiap negara yang meratifikasikannya harus menggubal undang-undang berkaitan kebencian antara kaum. Pada tahun 2018, Menteri Luar Negeri pada ketika itu menyatakan bahawa kerajaan komited untuk meratifikasikan beberapa konvensyen antarabangsa, dan antara salah satunya adalah ICERD. Perkara ini telah mencetuskan kemarahan orang Melayu kerana, dikatakan ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan yang secara jelas menyatakan hak keistimewaan orang Melayu serta kedudukan agama Islam di Malaysia.

Oleh itu, ramai orang Melayu telah berasa kurang senang serta marah kepada Pakatan Harapan kerana mahu meratifikasi konvensyen tersebut. UMNO-PAS sekali lagi telah menjadi antara pejuang dalam melawan perkara ini. Mereka antara pejuang dalam hal ini, kerana mereka telah bersatu dalam membuat perhimpunan aman membantah ICERD. Ramai melihat PAS dan UMNO telah seakan-akan bersatu untuk memperjuangkan tentang hal Melayu dan Islam dengan kedua-dua kepimpinan tertinggi parti hadir

menunjukkan sokongan, walaupun mereka pada waktu itu belum lagi bersatu di bawah panji Muafakat Nasional. Walaupun berlainan fahaman politik, dilihat bahawa orang Melayu akan bersatu untuk memperjuangkan bangsa dan agamanya. Isu-isu yang menyentuh Islam dan kedudukan orang Melayu amat sensitif dan dapat mencetuskan kemarahan orang Melayu. Tuntasnya, orang Melayu dapat bersatu jika terdapat ancaman kepada bangsanya dan agamanya kerana mereka faham, persengketaan politik kepartian ini merugikan, dan lebih baik mereka bersatu teguh untuk kepentingan ummah (Yahya 2019).

5.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, agenda Melayu dan Islam sangatlah berpengaruh dalam politik Malaysia kontemporari. Partisipasi politik oleh orang Melayu adalah lebih kepada untuk memperjuangkan agama dan bangsanya, maka lebih ramai orang Melayu aktif dan mengambil tahu tentang politik. UMNO-PAS yang dahulunya menjadi seteru akhirnya menjadi rakan strategik kerana agenda Melayu-Islam yang dilihat lebih penting dan lebih dimahukan oleh orang Melayu. Juga dapat dilihat, walau apa pun fahaman politik seseorang Melayu itu, pastinya akan memperjuangkan nasib bangsa dan agamanya. Agenda Melayu-Islam telah berjaya menyatu padukan orang Melayu yang lebih konservatif, oleh itu, UMNO-PAS dilihat sebagai pejuang yang perlu disokong demi kemandirian anak Melayu. Akhir kalam, UMNO-PAS telah berjaya menyatu padukan sokongan orang Melayu yang menyayangi bangsa dan agamanya.

5.1 Rujukan

- Abdul Mutalib, Z. & Parzi, M.N. UMNO putuskan terus sokong PN. *Berita Harian*, 27 Oktober.
- Ahmad, S. & Sulaiman, N. 2008. Kedudukan Barisan Nasional dalam pilihan raya Malaysia: Berakhirnya era hegemoni 164–176.
- Ali, S.H. 2018. *A People's History of Malaysia*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), Pusat Sejarah Rakyat.
- Ghani, M.F. 2018. Kesultanan Melaka: Pusat Penyebaran Islam Nusantara.
- Ghazali, N.F. 2019. Kelantan negeri termiskin di semenanjung.
- Hassan, H. 2020. Muafakat Nasional & Perikatan Nasional: What's The Difference?
- Hassan Mydin, S.A. (n.d.). Pengajian Islam.
- Husda, H. 2017. ISLAMISASI NUSANTARA (Analisis Terhadap Discursus Para Sejarawan). *Jurnal Adabiya* 18(2): 17.
- Idris, R. UMNO, PAS meterai piagam dan MoU 14 September. *Berita Harian*, 25 Juli.
- Jawan, J. 2003. *Malaysian Politics and Government*. Karisma Publications.
- Kakulal Govindji, S.K. 2009. *Ask Brother Shah*. Saba Islamic Media.
- Lukman, Z. 2018. WAWANCARA: Apa makna sebenar retifikasi ICERD.
- Mohammad Nasir, B. 2012. Islam dan dakwah dalam zaman kebangkitan awal Islam dan era penjajahan Barat di Tanah Melayu. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies* 34: 5–12.
- Mohammad Said, A. 2009. *Lintasan Sejarah Bangsa Jati Diri dan Psikik Melayu*. Blue-T Publication.
- Muda, M.H. 2014. *PAS & Pilihan Raya*. Megamind Leadership Consultancy.
- Mukmin, M.J. 1994. *Melaka-Pusat Penyebaran Islam Di Nusantara - Mohd Jamil Mukmin.pdf*. Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Nadzri, M. & Noor, M. 2020. Langkah Sheraton dan Implikasinya terhadap Konsep

Politik dan Perundangan Malaysia (July).

Parti Islam Se-Malaysia. 2018. Sejarah Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Rumahuru, Y.Z. 2018. Kontekstualisasi dalam Penyebaran Islam: Analisis Pola Pembentukan Islam di Nusantara. *International Journal of Islamic Thought* 14(1): 123–129.

Sinar Harian. UMNO umum tarik diri daripada Perikatan Nasional. *Sinar Harian*, 30 Juli.

UMNO Online. (n.d.). Sejarah UMNO.

UMNO Online. 2019. PH, Sila Kembalikan Hak Orang Melayu, Islam Yang Semakin Dipinggirkan.

Welianto, A. 2020. Teori Masuknya Islam di Nusantara.

Yahya, A. 2019. Apa pengajaran dari Himpunan Bantah Icerd?